

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DR. AZMAN BIN ISMAIL**
 [KUALA KEDAH]
SOALAN : **DR. AZMAN BIN ISMAIL** minta
 MENTERI PERTANIAN DAN
 INDUSTRI menyatakan jenis-jenis
 baja dan racun yang dibekalkan oleh
 Kementerian kepada penanam padi
 dan kos bagi setiap jenis baja dan
 racun tersebut, dalam satu tahun.
 Bagaimanakah diukur keberkesanan
 bantuan baja dan racun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperuntukkan dua jenis subsidi dan insentif bagi pembekalan baja dan racun kepada petani-petani di bawah sub-sektor padi iaitu Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Jenis baja dan kos setiap racun di dalam setiap skim tersebut adalah seperti berikut:

Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)			
Bil	Jenis	Harga (RM)	Nilai Kontrak (RM juta)
1.	Urea	36.90/beg	465
2.	Sebatian	39.50/beg	
Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)			
Bil	Jenis	Harga (RM)	Nilai Kontrak (RM juta)
1.	NPK Tambahan	60.00/beg	253
2.	Baja Tambahan (i) Baja Organik (ii) Baja Foliar (iii) <i>Growth Enhancer</i>	Harga bergantung pada harga tender yang ditawarkan kepada syarikat terlibat	95
3.	Racun	200/ha	140

Keberkesanan dari segi baja dan racun yang diberikan ini diukur dengan memantau hasil pengeluaran padi di kawasan yang terlibat yang turut mengambil kira aspek kesuburan tanah dan kawalan bagi serangan serangga dan penyakit bagi memastikan baja dan racun yang bersesuaian diberikan dari semasa ke semasa.